

08 MAR 1998

Pekeliling-Umno

PEKELILING LARANGAN CABAR MENCABAR UMNO SUDAH DIKELUARKAN

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Ibu Pejabat UMNO sudahpun mengeluarkan surat pekeling mengenai larangan anggota Majlis Tertinggi UMNO mencabar dan di cabar pada pemilihan bahagian khusus bagi jawatan ketua bahagian.

Pekeling bertarikh 3 Mac itu ditandatangani Setiausaha Agong parti Datuk Sabbaruddin Chik dan dihantar kepada semua setiausaha bahagian sehari selepas MT membuat arahan itu dalam mesyuarat bulanannya.

Pekeling itu antara lain mengarahkan ahli MT yang memegang jawatan ketua bahagian tidak boleh dicabar oleh sesiapa.

Begitu juga bagi ahli MT yang bukan memegang jawatan ketua di peringkat bahagian tidak boleh mencabar ketua yang sedia ada.

Bagaimanapun, pekeling itu menyatakan sikap terbuka MT bagi pertandingan jawatan-jawatan lain.

Ini bererti seseorang anggota MT yang menjawat jawatan timbalan ketua ke bawah boleh dicabar. Seseorang ahli MT yang tidak memegang jawatan dibenarkan bertanding jawatan timbalan ketua dan ke bawah.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata arahan itu bertujuan meredakan rebutan dalam pertandingan jawatan ketua bahagian. Arahan itu juga selaras dengan fasal 8.16 Perlembagaan UMNO berhubung tanggungjawab Majlis Tertinggi dan perkara 1.1.4 Tataetika Ahli parti.

Perkara 1.1.4 menyebut "semua ahli UMNO hendaklah cintakan parti, patuh dan menghormati keputusan-keputusan parti." Fasal 8.16 menyebut MT boleh mengambil sebarang langkah bagi kesempurnaan perjalanan parti.

Mesyuarat bahagian UMNO bermula dari Khamis depan hingga 29 Mac.

Ibu pejabat UMNO juga turut mengeluarkan pekeling larangan pertandingan jawatan ketua bahagian di seluruh negeri Kelantan. Pekeling itu dihantar kepada Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Annuar Musa untuk perhatian semua setiausaha bahagian. --BERNAMA

ARA WAT